

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 OCTOBER 2016

Sembah tahniah kepada Sultan Muhammad V, Sultan Nazrin

BH - 15/10/2016

→ Pemilihan bukti keutuhan sistem pemerintahan negara: PM

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak menyembah tahniah kepada Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V yang dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong baharu oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-243 (Khas) di Istana Negara di sini, semalam.

“Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, patik ingin menyembah tahniah kepada Ke bawah Duli

Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V Al-Sultan Negeri Kelantan Darul Naim atas pemilihan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong XV oleh Majlis Raja-Raja untuk tempoh lima tahun bermula 13 Disember 2016,” kata Perdana Menteri dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Timbalan Yang di-Pertuan Agong

Beliau turut menyembah tahniah kepada Sultan Perak Sultan Nazrin



Patik dan rakan-rakan dalam Jemaah Menteri serta anggota pentadbiran lain percaya bahawa negara akan terus bertambah makmur dan maju di bawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V”

Kenyataan Perdana Menteri



Muizzuddin Shah yang dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi tempoh sama.

Najib berkata, kedua-dua pemilihan itu selaras dengan Sistem Raja Berperlembagaan Persekutuan dan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan negara berasaskan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, yang juga undang-undang tertinggi negara.

Menurutnya, proses itu membuktikan keutuhan merentasi ma-

sa sistem pemerintahan negara yang dibina hasil semangat musyawarah serta kebajikan Baba-bapa Pengasas Negara yang diterajui Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

“Patik dan rakan-rakan dalam Jemaah Menteri serta anggota pentadbiran lain percaya bahawa negara akan terus bertambah makmur dan maju di bawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V,” kata beliau. **BERNAMA**